

UNTUK SIARAN SEGERA

30 MAC 2021

## UEM Edgenta dan PLUS Kembangkan Penyelesaian Digital untuk Tingkatkan Perkhidmatan Penyelenggaraan Lebuh Raya

- Memberi tumpuan kepada penambahbaikan berterusan dan kajian penanda aras baharu untuk meningkatkan standard keselamatan dan operasi;
- UEM Edgenta dan PLUS terus berada di barisan hadapan dalam menyokong usaha pemulihan negara dan merangsang pertumbuhan ekonomi;
- UEM Edgenta menerokai jalinan kerjasama dengan perniagaan tempatan serta Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") untuk memanfaatkan kepakaran penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor infrastruktur dan pengurusan fasiliti.

**KUALA LUMPUR, 30 Mac** – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini telah mengukuhkan jalinan kerjasama dengan PLUS Malaysia Berhad ("PLUS") untuk mengembangkan penyelesaian digital dalam operasi penyelenggaraan lebuh raya yang dibina bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan mereka sejajar untuk menyokong aspirasi negara yang diumumkan oleh Kementerian Kerja Raya ("KKR") baru-baru ini.

UEM Edgenta, menerusi anak syarikatnya di bahagian *Infrastructure Solutions*, Edgenta PROPEL Berhad, telah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan lebuh raya kepada PLUS sejak tahun 1988. Sejak itu, Syarikat telah melaksanakan pelbagai inisiatif teknologi berinovatif secara berterusan yang dapat meningkatkan tahap kecekapan operasi dan standard keselamatan untuk menjadi salah sebuah syarikat penyedia penyelenggaraan lebuh raya yang terkemuka di rantau ini. Penggunaan teknologi canggih seperti *Internet of Things* ("IoT") dan pembelajaran mesin (*machine learning*) telah membolehkan UEM Edgenta menambah baik kualiti perkhidmatannya dan membuat analisis ramalan melalui data masa nyata yang berpusat di Command & Contact Centre ("CnC") Syarikat di ibu pejabatnya di Kuala Lumpur. Syarikat seterusnya akan memanfaatkan analisis ramalan untuk mengenal pasti potensi kerosakan dan menambah baik perkhidmatan penyelenggaraan secara berkala ke arah pengurusan aset yang lebih bijak.

"Melalui penggunaan teknologi terkini, kami telah membangunkan sebuah sistem yang dikenali sebagai *Road Asset Management System* ("RAMS"), di mana ianya membolehkan kami merancang aktiviti penyelenggaraan jalan raya untuk jangka pendek dan jangka panjang, di samping mengutamakan tanggungjawab kami dalam menguruskan lebih daripada 1,000 kilometer aset lebuh raya bagi PLUS. Kelebihan utama sistem ini, bersama gabungan pengalaman dan pengkhususan kami, membolehkan kami untuk membuat perancangan pengurusan aset jangka panjang dan mengekalkan masa kerja penyelenggaraan yang optimum di beberapa lokasi," kata Syahrudin

Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta semasa lawatan tapak bersama pihak pengurusan UEM Edgenta dan PLUS ke Bertam, Pulau Pinang, yang diadakan semalam.

Oleh kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (“CMCO”) menghadkan perjalanan rentas negeri di seluruh negara, dan dengan pengurangan penggunaan lebuh raya telah membolehkan PLUS dan UEM Edgenta mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti penambahbaikan yang berterusan dan kajian penanda aras baharu untuk meneroka serta menetapkan standard keselamatan dan operasi yang dipertingkatkan.

Antara pelan penambahbaikan yang diperkenalkan berikutan kajian yang dijalankan dari tahun 2019 hingga 2020 adalah memperkemarkan Perjanjian Tahap Perkhidmatan (*Service Level Agreement-SLA*) antara Perjanjian Penyelenggaraan Induk PLUS dan standard tahap perkhidmatan M1 Lembaga Lebuhraya Malaysia (“LLM”); menubuhkan kit penyelenggaraan *Desired Service Level*; penggabungan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan; penilaian penggunaan aset sebagai ‘*Traffic Light Concept*’ di samping merasionalisasikan tahap penggunaan peralatan dan barang habis pakai; serta kontrak berdasarkan output (*output based contracting*).

Menurut Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail, “Rangkaian lebuh raya antara bandar kami merupakan nadi penghubung utama negara, dan menyumbang kepada rangsangan pertumbuhan ekonomi, terutamanya ketika fasa pemulihan negara. Sebagai pihak yang bertanggungjawab menjaga aset ini, PLUS komited untuk terus menyampaikan perkhidmatan kepada pengguna lebuh raya bagi tujuan komersial mahupun santai.”

Mengulas mengenai aspirasi yang diumumkan oleh KKR dalam pelancaran Pelan Organisasi Strategik untuk Kementerian, Datuk Azman mengharapkan kerjasama erat antara PLUS dan UEM Edgenta untuk mendukung salah satu aspirasi utama Kementerian bagi ‘meningkatkan tadbir urus organisasi dalam memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.’

“Rangkaian rakan perkhidmatan penyelenggaraan lebuh raya UEM Edgenta mempunyai lebih daripada 200 syarikat Bumiputera yang berpengalaman dan berkebolehan yang telah berkembang secara mampan bersama PLUS selama lebih 30 tahun, dalam menyelenggara aset kami dan memastikan lebuh raya sentiasa berada dalam keadaan terbaik untuk kemudahan para pengguna kami. Kami amat menghargai mereka sebagai pihak berkepentingan utama dalam rangkaian kami dan akan sentiasa memastikan kebajikan serta kesejahteraan mereka dijaga, terutama dalam tempoh peralihan pasca pandemik ini,” tambahnya.

Bagi UEM Edgenta, Syahrudin berkata bahawa Syarikat juga berminat untuk memanfaatkan pangkalan pengetahuannya dan menyokong kerajaan, syarikat tempatan dan PKS yang beroperasi dalam ekosistem pengurusan infrastruktur dan fasiliti untuk merealisasikan satu lagi aspirasi yang

diumumkan oleh KKR – ‘untuk memperluaskan penggunaan teknologi digital dalam pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur.’

Tambah beliau, “Sebahagian besar pangkalan pelanggan kami yang pelbagai di Malaysia beroperasi di bawah kendalian KKR, dan dikawal selia oleh agensi Kementerian, termasuklah Jabatan Kerja Raya (“JKR”), LLM serta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (“CIDB”). Kami berbesar hati untuk menerajui usaha bagi mempertingkatkan kemampuan sumber dan PKS yang beroperasi dalam sektor ini, terutama dengan berkongsi pengalaman kami berkaitan penyelesaian teknologi dalam industri ini. Kami juga mempunyai *Leadership Centre* yang mapan di Lembah Klang yang menjadi pusat utama untuk usaha ini dan akan mencadangkannya kepada KKR untuk memperkembangkan potensi dalam bidang ini.”

UEM Edgenta dan PLUS juga komited untuk memainkan peranan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab menerusi pelbagai program, termasuk memberi sumbangan insentif tunai kepada petugas-petugas barisan hadapan penyelenggaraan lebuhraya sebagai tanda menghargai sumbangan mereka sepanjang pandemik ini. Di samping itu, Syarikat baru-baru ini telah melaksanakan ujian saringan COVID-19 kepada semua petugas barisan hadapannya di seluruh negara, termasuklah di bahagian *Healthcare Support Services* (“HSS”) dan *Property & Facility Solutions* (“PFS”), antara sebahagian daripada komitmennya untuk memberi jaminan kepada semua pihak berkepentingan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat adalah selaras dengan protokol kesihatan dan keselamatan semasa.

-Siaran Media Tamat-

#### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

#### **Berkeanaan PLUS Malaysia Berhad**

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) melalui anak syarikatnya Projek Lebuhraya Usahasama Berhad merupakan syarikat konsesi lebuhraya terbesar di Malaysia dan salah satu yang terbesar di Asia Tenggara. PLUS mengendalikan kira-kira 1,130 km lebuhraya iaitu Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH), Lebuhraya Utara-Selatan Lingkaran Tengah (ELITE), Lebuhraya Lintasan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua), Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE), Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2).

PLUS turut mengendalikan 29 buah kawasan rehat dan rawat (R&R), 50 buah hentian sebelah termasuk 4 buah restoran jejantas yang dilengkapi pelbagai kemudahan untuk pelanggan lebuhraya seperti medan selera, tandas awam, surau,



A member of UEM Group

mesin ATM, wakaf, kawasan meletak kenderaan dan lain-lain lagi. Dengan memberi penekatan terhadap keselamatan, PLUS juga menyediakan perkhidmatan bantuan kecemasan PLUSRonda 24-jam untuk memberi bantuan kepada pelanggan dan meningkatkan tahap keselamatan di lebuhraya.

PLUS turut menerima pelbagai anugerah seperti Anugerah Antarabangsa Keselamatan Jalan Raya Prince Michael di London, mendapat Tempat Pertama Lebuhraya Sistem Tertutup Berprestasi Terbaik dari segi keselamatan dan keselesaan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Anugerah Digital Transformer IDC Malaysia, Naib Juara kategori Pengurusan Tenaga Bangunan Besar pada Anugerah Tenaga ASEAN 2020, Anugerah Emas bagi kategori Pengurusan Krisis dan Reputasi pada AMEC Global Summit 2020, Anugerah Penarafan Indeks Lebuhraya Hijau (MyGHI), Anugerah Perhubungan Awam Malaysia (MPRA) 2019, Anugerah Pengurusan Risiko Terbaik MARIM, Anugerah StrategicRisk Asia-Pasifik, ICQCC 2019 (Konvensyen Antarabangsa Pengurusan Kualiti) di Jepun, APQOIC 2019 (Persidangan Antarabangsa Organisasi Kualiti Asia Pasifik) di Indonesia, Anugerah Gangsa bagi Kategori Pengangkutan dan Pelancongan Putra Brands Awards 2019, Anugerah Inisiatif Hijau SEDA 2019, APIC 2019 (Persidangan Produktiviti & Inovasi) dan Anugerah MOB-EX di Singapura dan Anugerah Iklan YouTube Terbaik bagi Kategori "Auto & Travel" 2019 dan lain-lain lagi.